

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[ SIK ]**

**SOALAN**

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah peguam syarie yang dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan jika peguam sivil boleh dilantik menjadi Hakim Sivil mengapa tidak peguam syarie.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia, sehingga kini tiada di kalangan Peguam Syarie yang pernah dilantik sebagai Hakim Syarie di Mahkamah Tinggi Syariah di Negeri-Negeri.

Untuk makluman Ahli Berhormat juga, mengikut peruntukan undang-undang di semua negeri kecuali di negeri Kedah, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah, seseorang Peguam Syarie boleh dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Walau bagaimanapun, pelantikan dan pentauliahannya sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah tersebut adalah tertakluk kepada pihak berkuasa agama Negeri yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.